

100

NO. SOALAN : 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN
[RANAU]**

DATUK DR. EWON BIN EBIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- a) berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh FELDA terutama sekali pelaburan kurang berhemah yang dibuat oleh Felda Global Ventures - FGV; dan
- b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi memulihkan FELDA serta bagi memastikan agar kesilapan seperti ini tidak berulang lagi.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Disember 2016, FELDA mempunyai pegangan langsung sebanyak 21.25 peratus dalam Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan pegangan tidak langsung (*melalui Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd - FAHC*) sebanyak 12.42 peratus yang menjadikan jumlah keseluruhan pegangan FELDA di dalam FGV adalah sebanyak 33.67 peratus. Berdasarkan kepada pegangan secara langsung sebanyak 21.25 peratus, FELDA mengalami kerugian tidak nyata yang dianggarkan sebanyak RM2,188.02 juta. Manakala, FAHC, sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA yang memegang sebanyak 452,921,192 unit saham FGV mengalami kerugian tidak nyata yang dianggarkan sebanyak RM8.28 juta. Ini menjadikan jumlah kerugian terkumpul bagi pegangan saham sebanyak 33.67 peratus adalah sebanyak RM2,196.30 juta.

Bagaimanapun, jumlah kerugian tidak nyata ini tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan FELDA, ini adalah kerana FGV dikategorikan sebagai sebuah Syarikat Bersekutu milik FELDA. Oleh itu, pegangan saham FELDA di dalam FGV direkodkan sebagai Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu di mana FGV direkodkan pada kos dengan nilai RM3,389.32 juta dalam Penyata Kewangan FELDA. Ini adalah mematuhi *Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) 128 : Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama*. Selain itu juga, sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sebanyak RM328.33 juta telah dibayar oleh FGV kepada FELDA sebagai dividen ke atas pegangan saham FGV.

102

Seterusnya, sebagai pemegang saham terbesar dalam FGV, pada 12 Julai 2017, FELDA juga telah menamakan tiga (3) orang wakil FELDA dalam Ahli Lembaga Pengarah FGV dalam usaha memantapkan pengurusan dan meningkatkan prestasi serta kejayaan FGV. Pelantikan wakil FELDA iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Dato' Ab Ghani Mohd Ali adalah sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif manakala Datuk Muzzammil Mohd Nor dilantik sebagai Pengarah Gantian Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Selain itu, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid telah dilantik sebagai Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) yang baru pada 8 September 2017. Dengan pengalaman luas yang dimilikinya, beliau diyakini akan dapat menerajui FGV dengan cemerlang sekaligus meningkatkan keyakinan pelabur dan seterusnya dapat diterjemahkan dengan harga saham FGV yang lebih kukuh.

Langkah-langkah yang dilaksanakan seperti di atas adalah bagi memastikan kepentingan FELDA sebagai pemegang saham terbesar dalam FIC dan FGV tidak terjejas. Selain itu, perkara ini juga dapat mengukuhkan kedudukan FELDA dan memastikan kesejahteraan peneroka dan petugas terpelihara.

Sekian, terima kasih.